



SEMINAR 100 TAHUN PERSURATAN MELAYU BORNEO - KALIMANTAN

*Borneo - Kalimantan:
Seabad Persuratan Melayu Serantau*

KESUSASTERAAN BORNEO SELAMA SEABAD (100 TAHUN)

Sumbangan Sabah dan Sarawak dalam
Pengembangan Kesusasteraan Borneo

Oleh
Datuk Haji Ismail Abbas
(Amil Jaya)

Anjuran: DBP Cawangan Sabah

KESUSASTERAAN BORNEO SELAMA SEABAD (100 TAHUN)
Sumbangan Sabah dan Serawak dalam Pemgembangan Kesusasteraan Borneo.

Oleh: Datuk Haji Ismail Abbas
(Amil Jaya)

Sastera Borneo yang ada sekarang ini adalah lanjutan Kesusasteraan Nusantara iaitu induk bagi sastera di wilayah-wilayah Nusantara termasuk di Thailand, dan Kemboja.

Sastera Nusantara ini tergolong dalam 4 kategori. Ia dimulai dengan sastera "animisme", diikuti oleh sastera "Hadiah/Buddha"; Sastera; "Panji" Sastera Farsi/Islam dan Sastera Moden atau dan Sastera Semasa."

Sastera Animisme

Apabila manusia wujud dalam dunia ini secara otometis sastera mereka juga wujud hasil daripada sejarah sosial dan sejarah hidup mereka. Mereka yang kepercayaan "animisme". menganggap kepercayaan itu seperti agama mereka. Keyakinan mereka percaya kepada kuasa-kuasa penunggu benda-benda yang dianggap keramat, agung seperti gunung, pokok-pokok besar dan pokok-pokok kecil yang terpilih, sungai, laut dan tasik, hutan belantara, lubuk-lubuk sungai, binatang seperti ular, harimau, gajah dan keadaan muka bumi yang dianggap luar biasa dianggap mempunyai kuasa. Pendek kata segala sesuatu yang mempunyai kelainan itu mempunyai kelainan itu mempunyai kuasa dan keramat. Akhirnya ia dipuja, dijadikan tempat meminta pertolongan.

Kepercayaan "animisme" wujud sejak manusia wujud didunia. Ia berlaku di mana-mana saja benua, dan negeri yang dihuni oleh manusia primitif. Di Afrika, di Asia di Eropah dan di berbagai negara.

Sastera Hindu/Buddha

Dinamika dalam kehidupan manusia merubah corak kehidupan manusia. Ia adalah ada hasil pertembungan sosial dan pertembungan tamadun manusia. Pemikiran dan gaya hidup manusia berubah hasil daripada pertembungan budaya dan sosial itu. Masyarakat Nusantara juga berubah. Gema dan gelombang kepercayaan dan keyakinan masyarakat Nusantara turut berubah. Apabila gelombang tamadun Hindu/Buddha melanda wilayah-wilayah Nusantara. Maka berlakulah perubahan kepercayaan dan keyakinan Hindu/Buddha.

Gelombang budaya, sosial dan sastera mula berkembang di Nusantara apabila kepercayaan itu melanda Nusantara yang dibawa oleh gelombang dan kepercayaan Hindu/Buddha. Kepercayaan keyakinan masyarakat “animisme” di Nusantara. Mula berubah apabila empayar Hindu dan Buddha ini bertambah kukuh. Sebahagian daripada masyarakat anisme menerima kepercayaan itu dan menjadikan sebagai satu cara hidup baru terutama sekali masyarakat yang tinggal di pesisiran pantai-Nusantara. Dengan ini kepercayaan Hindu/Buddha tersebar luas di kepulauan Nusantara. Ia mengambil alih sebahagian daripada kepercayaan dan keyakinan masyarakat yang berkepercayaan.

Kepercayaan Hindu dan Buddha bukan saja merupakan unsur kepercayaan dan keyakinan mereka , mereka juga membawa bersama-sama mereka hasil-hasil kesusteraan mereka demi menjadi sastera “animisme” berkurangan. Cerita-cerita lisan tentang semangat, penunggu, orang halus, roh, hantu, dan makhluk-makhluk ghaib mula hilang daripada cerita-cerita lisan masyarakat “animisme”. Cerita-cerita itu diganti pula dengan cerita-cerita lisan yang beruncur Hindu dan Buddha iaitu tentang kepercayaan kepada dewa-dewi, jin, makhluk-makhluk yang hidup di

angkasa yang berkuasa, perkasa, sakti, bersifai kewiraan dan hidup di dunia keinderaan, yang cukup indah.

Kepercayaan Hindu dan Buddha bukan saja menghasilkan sastera lisan malah mereka menghasilkan juga sastera tulisan dalam aksara Hindu dan Buddha mereka bukukan cerita-cerita dewa-dewi serta cerita-cerita pahlawan-pahlawan gagah berani mereka untuk ditatap oleh pengikut-pengikut Hindu dan Buddha di Nusantara dalam usaha mengembangkan kepercayaan Hindu dikalangan masyarakat terutama cerita-cerita Ramayana dan Mahabharata. Namun cerita-cerita berunsur animisme yang menjadi cerita rakyat cerita asal-usul cerita metos terus kekal dalam masyarakat Hindu/Buddha di Nusantara. Cerita-cerita berunsur Hinduisme ini menjadi tambahan kepada cerita-cerita mereka yang berunsur "animisme".

Apabila kepercayaan Hindu/Buddha semakin kukuh dan berpengaruh di Nusantara masyarakat Nusantara sendiri berperanannya mengHindu/mengBuddhakan masyarakat yang dulunya berkepercayaan animisme itu malah mereka menambah hasil-hasil kesusastraan yang berasal daripada buku-buku Hindu dan Buddha dengan buku-buku dalam cerita-cerita Panji Pengaruh sastera ini berlaku di kepulauan Jawa, malah ada cerita-cerita Panji dalam bahasa Thai dan Kemboja dan juga bahasa Jawa kuno.

Buku-buku seperti Panji Samerang, Radin Galoh, Radin Inu Kuripah yang terdapat di Indonesia dan di Malaysia atau di mana saja Hikayat Hang Tuah dibukukan unsur cerita Panji Menjadi inti kepada hikayat tersebut. Cerita-cerita Panji disisipkan kaedah Hikayat Hang Tuah, cerita Pateh Karma Wijaya, Radin Inu Kuripan, Radin Inu Daha, Radin Wira; Nataja Sang Maniaka, Radin Galoh; Radin Inu Karipan dan cerita Pateh Aria Gajah Mada.

Menurut W.H. Reisers cerita Panji sudah ada dalam masyarakat Nusantara sejak zaman primitif lagi.* Berg pula menyatakan kemungkinan cerita-cerita Panji wujud di dalam budaya Jawa Kuno sebelum tahun 1277 m. Manakala Poerbatjaraka menyatakan cerita Ratu dan Permaisuri Kediri - Kamesawaral dan Srikiranaratu sekitar tahun 1115 - 1130m sudah ada dalam masyarakat Jawa. Cerita Panji berkembang pesat di era kegimilangan pemeritahan Majapahit sekitar tahun 1400 hingga akhir abad ke-19 iaitu tahun 1870-an.

Pengaruh kepercayaan Hindu/Budha mendorninasi kepercayaan hampir seluruh masyarakat Nusantara termasuk masyarakat di Thailand dan Kemboja. Ini melemahkan kepercayaan animisme di kalangan penduduk. Ramai penduduk Nusantara termasuk raja-rajanya, pembesar-pembesar istana pahlawan-pahlawan, parajurit-parajurit dan rakyat kelas rendah menganut kepercayaan Hindu/Budha. Pendek kata ketika menjadi era menyebarluas pengaruh Hindu/Buddha di Nusantara. Masyarakat Nusantara mengubah keyakinan dan kepercayaan mereka kepada Hindu/Buddha meninggalkan kepercayaan "animisme". Apabila sastera Arab/Farsi Nabi Muhammad s.a.w

Nabi Muhammad di lantik menjadi Nabi sekitar kurun ke-13, sahabat-sahabat Nabi dan saudagar-saudagar Islam Berusaha menyebarluaskan agama Islam ke Nusantara. Peniaga-peniaga Arab dan Farsi menjelajah lautan ke sebelah timur terutamanya di Nusantara. Di samping berniaga saudagar-saudagar Arab/Farsi ini berusaha berdakwah menyebarluaskan agama yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w Rasul terakhir yang menyampaikan tauhid kepada manusia.

Penyebaran agama tauhid itu mendapat sambutan dan perhatian di kalangan masyarakat Nusantara, maka agama itu diterima oleh masyarakat Nusantara terutamanya apabila pembesar-pembesar negara di Nusantara menerima agama

Isma yang sifatnya lebih realistik, masuk akal dan tidak terlalu sukar diamalkan. Dasar Islam yang tidak menerima perbezaan kelas dan taraf sosial kehidupan manusia menarik perhatian masyarakat Nusantara. Memang masyarakat Nusantara tertarik dengan agama Islam kerana dalam Islam tidak ada tingkat-tingkat perbezaan status sosial. Dalam Islam manusia sama rata sama rasa dan sama taraf. Setiap individu boleh berhubung secara spiritual dengan khaliknya tanpa menggunakan orang tengah atau pemuka-pemuka agama.

Daripada masyarakat yang berfahaman animisme dan Hindu/Buddha masyarakat Nusantara sebilangan besarnya menukar kepercayaan dan keyakinan mereka. Mereka menerima ajaran agama Islam secara massa menerima sukarela, apa lagi sesudah pembesar-pembesar istana termasuk raja dan sultannya juga pahlawan-pahlawannya menganut agama Islam. Penduduk nusantara massa menerima secara keparcayaan baru ini dan agama tauhid itu, mereka terima secara sukarela

Sastera Arab/Islam

Apabila agama Islam kian stabil di Nusantara, pendakwah-pendakwah Islam membawa bersama-sama mereka kesusteraan Islam/Arab/Farsi untuk disebarluaskan di Nusantara.

Berbagai cerita dalam sastera Islam dari kitab-kitab Hikayat dan buku-buku dari risalah-risalah termasuk cerita-cerita di dalam Al-Quran dan cerita-cerita di dalam Kisasul -Ambiah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan bahasa Nusantara yang lain. Inti terjemahan itu berunsur dan bercorak Islam.

Cerita-cerita kepahlawan Islam seperti yang terdapat di dalam Hikayat Muhamad Ali Hanafiah, cerita kepahlawan asli Melayu seperti Hikayat Hang Tuah,

cerita-cerita pengislaman masyarakat Melayu di Meiaka, kisah-kisah kepahlawanan Khalid Ibnu Wahid, Hamzah dan gemilangnya pejuangan sahabat-sahabat Nabi seperti Abu Bakar, Othman, Ali dan Omar Alkhatab dan kepahlawanan yang terdiri daripada cucu-cucu Nabi seperti Hassan dan Hussain diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk menjadi iktibar kepada masyarakat Nusantara.

Pada zaman awal Islam kesusasteraan Arab/Farsi iatulah yang menjadi bahan kesusasteraan di Nusantara. Lepas itu hasil kesusasteraan ini ditambah pula dengan hasil-hasil kesusasteraan Melayu tulen yang diilham tulis oleh pengarang-pengarang Melayu.

Ketika ini kesusasteraan Melayu kekal di resepi oleh kesusasteraan animisme, kesusasteraan Hindu/Buddha dan kesusasteraan Islam. Tiga unsur kesusasteraan ini yang menjiwai kesusasteraan Melayu hingga kini.

Kesusasteraan Borneo

Sastera Islam semakin mantap menguasai kesusasteraan di Nusantara pada abad-abad ke-16, ke-17, ke-18 abad ke-19 dan abad ke-20. Orang Melayu mula menyumbang di dalam penghasilan kesuasteraan. Pengarang-pengarang Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan Sarawak. Mula menghasilkan bahan-bahan kesusasteraan. Jangka masa peranan pengarang pengarang ini berkisar pada pertengahan abad ke-20. Sekitar tahun 1990-an .

Pada pertengahan abad ke-20 ramai Pengarang Melayu Indonesia dan Melayu Malaysia menulis bahan-bahan sastera tradisi seperti cerita asal usul, metos, lengenda dan berbagai lagi termasuk sastera moden (cerpen dan novel). Hasil-hasil sastera ini diterbitkan dalam bentuk buku dan banyak pula yang diterbitkan dalam majalah-majalah bulanan seperti Mastika, Hiburan, Feshen, Filem,

Majalah Bulanan Maiaya, Penerbitan cerita-cerita pendek juga diterbitkan pada majalah-majalah berkala atau majalah bulanan.

Di Indonesia, pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an berbagai buku kesusasteraan diterbitkan. Novel dan cerita pendek menjadi bahan populer ketika itu. Ramai pengarang-pengarang Indonesia menulis dalam genre ini.

Nama-nama seperti Toer (1954) Mokhtar Lubis (1950) Khairil Anuar, A. A. Navis, Alisjabibana, Sutan Takdir, Rosihan Anuar, Amir Hamzah A. Hasjmi, Idrus, Usmar Ismail, Pramodya Anata Toer dan ramai lagi penulis-penulis yang menyemakarkkan kesusasteraan Indonesia pada tahun-tahun 1920-an, 1930-an dan selepas perang dunia kedua.

Hampir semua penulis di Indonesia ketika itu berasal dari Samantera dan Jakarta. Di Kalimantan Selatan penulis-penulis tidak begitu ramai dan pemasaran kepenulisan mereka berpusat di Jakarta dan juga di Sumantera.

Sastera Sabah

Di Sabah kesusasteraannya bermula karya pada awal tahun 1950-an. Bahan-bahan penulisan yang dihasilnya hanya berkisar pada puisi dan cerita pendek saja itu pun tidaklah diserancak mana. Penulis-penulisnya terlalu sedikit dan bahan-bahan yang dihaksilkan pun cuma cerpen dan puisi itupun cukup kecil dan sedikit.

Penulis-penulis Sabah diasuh didik tentang genre kesusasteraan di Sabah oleh Sdr. K. Bali yang berasal dari Kelantan. Beliau adalah editor Melayu North Borneo News And Sabah Times. Ramai juga penulis yang diasuhnya pada awal tahun 1950-an itu, mereka terdiri daripada penulis-penulis cerpen dan sajak. Penulis-penulis ini ada yang menulis dari Brunei atau Sabah sendiri. Nama-nama

seperi Imran Haris, R.M. Jasni, Shubaibun bin Yusuf; M. A. Rahman, Dayang Salmah Salam, Muhapaidi, Jamdin Buyong, (Datuk) K. Bali sendiri, Pengiran Abdul Rahman, Khalik Zamani, P.A. Adnan, S. Mala, Suhami S, Amil Jaya, (sekadar menyebut beberapa nama)

Kesemerakan sastera di Sabah dipengaruhi oleh kesemarakan Sastera Semenanjung Malaysia iaitu Singapura, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang juga sastera Indonesia. Banyak buku-buku dan majalah-majalah sastera yang terbit di negeri-negeri berkenaan tersebar ke Sabah dan dibaca oleh golongan guru yang kemudiannya menjadi penulis cerpen dan puisi. Segelintir daripada penulis-penulis ini berjaya menjadi penulis novel yang baik seperti Amil Jaya, Harun Haji Salleh, Shubaibun Yusof, Siti Rahmah Ibrahim, Obasiah Hj. Osman, Azma Nordin dan ramai lagi. Mereka, menjadi penulis pelapis yang berkemampuan dan baik.

Dua agensi yang cukup menyumbang di dalam penghasilan kesusasteraan di Sabah ialah Biro Kesusasteraan di Borneo (BKB) dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah. Biro kesusasteraan Borneo ditubuhkan pada akhir penggal tahun 1950-an. Manakala Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah ditubuhkan pada bulan Januari 1977. Kedua-dua agensi kerajaan ini telah menolong menyemarakkan hasil-hasil kesusasteraan di Sabah.

Banyak buku-buku diterbitkan oleh kedua-dua agensi seperti Novel dan Novelet dan juga antologi dan kumpulan puisi.

Selain itu agensi ini juga menerbitkan majalah kumpulan cerita rakyat legenda dan metos. Kumpulan kertas kerja seminar ada juga diterbit dalam usaha mendokumentasi kegiatan seni sastera di negeri ini.

Demikian serba ringkas peranan Sabah di dalam penyemarakan kesusasteraan Borneo sepanjang seratus tahun yang dari era kesusasteraan

animismenya membawa kepada kesusasteraan Hindu/Buddha, kesusasteraan Islamnya hinggaah kepada kesasteraan modennya.

Bacaan dan rujukan

1. Umar Yunus - Sosiologi Sastera (DBP 1986)
2. Sejarah Kesusastraan Melayu - II & III; A. Samad Ahmad, DBP, 1965
3. Haron Anud - Manusia dan Kepercayaan DBP 1994
4. Hamzah Hamdani, Pemikiran Sastera Nusantara DBP 1998
5. Hamzah Hamdani - Novel-novel Malaysia dalam Kritikan DBP 1982.